From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM - KOLEJ KOMUNITI ARAU CAWANGAN KANGAR PERKASA PELAJAR TAHFIZ DENGAN ILMU AKUAPONIK
Date: Thursday, 17 September, 2026 11:06:58 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof Madya Dr. Muhammad Mat Yusof

UUM - KOLEJ KOMUNITI ARAU CAWANGAN KANGAR PERKASA PELAJAR TAHFIZ DENGAN ILMU AKUAPONIK



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh peranan sebagai institusi ilmu yang memberi manfaat kepada masyarakat melalui program perkongsian ilmu akuaponik bersama Kolej Komuniti ARAU cawangan Kangar, yang memberi tumpuan kepada pendedahan teori dan amali kepada pelajar Maahad Tahfiz Al Quran Ar Raudah (MADAD) Perlis.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada projek perundingan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr Muhammad Mat Yusof yang menampilkan akuaponik sebagai salah satu pendekatan pertanian moden yang menggabungkan elemen sains, teknologi, kelestarian alam sekitar dan pengeluaran makanan.

Dr. Muhammad yang merupakan pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) UUM berkata, pendedahan kepada teknologi seperti akuaponik penting dalam melahirkan generasi yang bukan sahaja mempunyai ilmu agama, tetapi turut memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam bidang STEM serta teknologi moden.



Melalui sesi teori dan praktikal yang dikendalikan oleh bersama oleh rakan perunding iaitu Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), pelajar turut diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam pengendalian sistem akuaponik, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif dan berasaskan pengalaman sebenar.

Kerjasama strategik antara UUM dan Kolej Komuniti ARAU cawangan Kangar ini juga mencerminkan kepentingan jaringan antara institusi pendidikan tinggi dan institusi pendidikan komuniti dalam memperluas akses masyarakat kepada kepakaran, teknologi dan inovasi.

Penyelaras Pengajian Sepanjang Hayat (PSH) program Sijil Teknologi Elektrik, Kolej Komuniti Arau Cawangan Kangar (KKACK), Azrul Hisham berkata, akuaponik bukan semata-mata tentang menghasilkan ikan dan sayur.

“Ia adalah satu platform pembelajaran yang dapat menggabungkan ilmu, kemahiran, inovasi dan keusahawanan. Dalam jangka panjang, kita mahu peserta dapat melihat potensi akuaponik sebagai satu sumber makanan dan juga sebagai satu peluang ekonomi yang amat baik,” katanya.



Inisiatif perkongsian ilmu akuaponik ini membuktikan bahawa kepakaran universiti mampu diterjemahkan daripada bilik kuliah dan makmal kepada manfaat nyata kepada masyarakat, khususnya dalam membina generasi muda yang berilmu, berkemahiran dan bersedia menghadapi cabaran sekuriti makanan serta ekonomi masa hadapan.

Kerjasama ini diharap dapat diteruskan dan diperluaskan melalui program-program berimpak tinggi yang menggabungkan pendidikan, teknologi, pertanian lestari dan keusahawanan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan komuniti serta agenda Malaysia MADANI.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.